

11 MAY 1997

DAP-Nafi

KIT SIANG KATA BELIAU TIDAK PERNAH PERSOALKAN ATAU CABAR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) --Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, hari ini berkata beliau tidak mempersoalkan atau mencabar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Kabinet atau Kerajaan Barisan Nasional di atas keputusan untuk mendakwa Anggota Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng.

Kita Siang berkata beliau tidak berbuat demikian kerana mengikut Artikel 145 (3) Perlembagaan Persekutuan, keputusan untuk "memulakan, menjalankan atau tidak meneruskan sebarang prosiding bagi sesuatu kesalahan" ialah budi bicara Peguam Negara, yang tidak boleh dipengaruhi oleh sesiapa pun.

"Saya, pada bila-bila masa sama ada di luar atau di dalam Parlimen, tidak mempersoalkan atau mencabar keputusan Mahkamah Tinggi Melaka yang mendapati Guan Eng bersalah terhadap tuduhan menghasut dan menerbitkan risalah mengandungi fakta palsu," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Kit Siang berkata beliau mengakui bahawa jika keputusan mahkamah mahu dicabar, ia perlu dibuat menerusi proses perundangan yang betul seperti yang telah dilakukan oleh anak lelakinya itu yang memfailkan rayuannya di Mahkamah Rayuan, Jumaat lepas.

Anggota Parlimen Tanjong itu mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam berhubung kenyataan beliau (Kit Siang) bahawa terdapat ketidakadilan dalam keputusan mahkamah, yang diberi liputan meluas oleh media dan bagi kes Guan Eng pula, kerajaan digambarkan tidak demokratik.

Ketua Pembangkang itu juga berkata pembangkang "adalah dan tidak pernah terkecuali daripada undang-undang" dan apa yang dimintanya ialah Peguam Negara tidak harus menyalahgunakan kuasa budi bicaranya untuk memilih bagi membuat pendakwaan terhadap pembangkang dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Sementara itu di MELAKA, Guan Eng menafikan bahawa parti itu mengkritik Mahkamah Tinggi di sini kerana mendapatinya bersalah di bawah Akta Hasutan dan Akta Percetakan dan Penerbitan.

"Tidak ada pemimpin DAP termasuk saya pernah mengkritik Mahkamah Tinggi Melaka kerana mensabitkan saya dan mengenakan denda RM5,000 atau penjara tiga bulan mengikut Akta Hasutan dan RM10,000 atau penjara 6 bulan mengikut Akta Percetakan dan Penerbitan," kata Timbalan Setiausaha Agung DAP itu, dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata DAP juga tidak pernah mengkritik mahkamah itu sebagai tidak adil tetapi membidas hanya Peguam Negara kerana menyalahgunakan kuasanya dengan memilih untuk mendakwa dirinya.

Guan Eng mendakwa bahawa Dr Mahathir telah diberi maklumat salah mengenai tindakan DAP yang berkempen menentang mahkamah sedangkan parti pembangkang itu membantah tindakan memilih pendakwaan oleh Peguam Negara.

-- BERNAMA

MNY MOZ NAK